

Lapan Pelajar UMS Wakil Malaysia ke Summer Course Indonesia

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 11:11 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 2904

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 13 SEPTEMBER - Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menghantar lapan pelajar di bawah Program Geografi untuk menghadiri *Summer Course* di Indonesia dengan diiringi Pensyarah Kanan, Dr. Gaim James Lunkapis.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh fakulti itu, lapan pelajar tersebut adalah penerima biasiswa *Smart City, Village and Region (SCVR) Course* yang ditawarkan oleh Universitas Gadjah Mada (UGM), Jogjakarta, Indonesia.

Lapan pelajar itu ialah Erwina Nuar, Nurshaslinda Abdul Kadir, Brenda Sandan, Nurallyyana Zainuddin, Nur Izzah Nabilah Haron, Nur Jannah Roslan, Eccaleena Chrissy Latius dan Thressa Veney

Ansilmus.

Mereka adalah antara 35 peserta antarabangsa merangkumi 10 negara dari Eropah dan Rantau Asia iaitu Amerika Syarikat, Vietnam, Colombia, Pakistan, Indonesia, Jerman, Thailand, Kemboja, Palestin dan Malaysia.

Kursus itu melibatkan 13 pensyarah lain termasuk dua dari Malaysia; Dr. Goh Hong Ching dan Profesor Dr. Lee Boon Thong dari Universiti Malaya.

Kenyataan itu menambah, SCVR adalah usaha mulia dalam meningkatkan pemahaman tentang penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam konsep wilayah, kampung dan bandar raya.

Kursus itu juga sekali gus bertujuan memperluaskan kerjasama antarabangsa antara dua institusi pengajian tinggi; Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Gadjah Mada, Indonesia.

Sumber: Feria Lee, FKSW